

# Cabutan

Penduduk di kawasan Pasir

Emas Ulu (Kelantan) mestilah berfikir dan cuba menunggang apakah yang telah dibuat oleh kerajaan PAS untuk kebajikan mereka ini – Muhammad Khir Johari, Menteri Pelajaran Malaysia.

\*

Kalau penduduk kawasan itu (Pasir Emas Ulu) masih mahu PAS menguasai mereka bermaknalah mereka tidak berkehendakkan perubahan dalam penghidupan mereka di masa-masa depan – Muhammad Khir Johari.

\*

Perikatan sendiri bukanlah hendak menjadikan syurga kepada penduduk-penduduk di situ (Pasir Emas Ulu) tetapi sekiranya terpilih kami berjanji akan mengabdikan diri kami kepada mereka seperti yang kami buat kepada rakyat di kawasan-kawasan lain – Muhammad Khir Johari.

\*

Kami bukan hendak mengkalkan kedudukan kami tetapi sebaliknya hendak menyelamatkan penduduk kawasan ini dari terus ditipu oleh pemimpin-pemimpin PAS – Muhammad Khir Johari

\*

Saya berjanji tidak akan berdiam diri untuk mengatasi kesulitan-kesulitan mereka. Hak pemerintah di tangan kerajaan dan kita tidak menyerahkan hak itu kepada sesiapa - Muhammad Khir Johari.

Barangsiapa meninggalkan sembahyang maka tidak ada amanah baginya – sabda Junjungan (s.a.w).

\*

Jika guru-guru tidak mahu bekerjasama dengan Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri supaya berhenti beramai-ramai dengan segera. Lagi cepat mereka berhenti lagi baik – Muhammad Khir Johari.

\*

Singapura mempunyai waktu dari lima hingga sepuluh tahun untuk memberntuk angkatan bersenjata begitu rupa hingga dalam disiplin, latihan-latihan pimpinan dan cita-citanya. Tenteranya dapat bersaing dengan tentera yang paling handal dalam dunia. – Lee Kuan Yew.

\*

Kita masih perlu bantuan luar untuk menghadapi ancaman dari luar negeri dan kerana itulah kita menyambut baik ikrar British untuk mengadakan sesuatu kekuatan tentera yang cukup untuk menolong kita selepas pengundurannya mulai tahun 1970. – Tun Abdul Razak

\*

Orang-orang Melayu hendaklah menjadi ahli UMNO kerana UMNO sahajalah yang dapat membela nasib bangsa Melayu hari ini. – Aishah Ghani.

\*

Kita tak dapat ikut jejak langkah datuk nenek kita 40 hingga 50 tahun yang lalu, di mana perjuangan mereka hanya semata-mata berdasarkan kebangsaan yang sempit yaitu Melayu untuk Melayu. – Senu Abdul Rahman.

**Bahawasanya Allah menuntut kita supaya kita mengeluarkan manusia dari peribadatan mereka yang sesat kepada menyembah Tuhan yang Esa, dan mengeluarkan mereka dari dunia yang sempit kepada dunia yang lapang, dan mengeluarkan mereka dari agama yang batil kepada agama Islam yang adil.**  
**- Rubā'ī bin ‘Āmir di dalam Majlis Raja-raja Parsi.**

\*

Dalam membicarakan soal-soal agama Islam, kita tidak harus takut-takut, kita harus berani dan tegas. – Haji Abdul Rahman

Di dalam perlumbaan Malaysia, agama Islam adalah agama rasmi dan agama-agama dibebaskan menjalankan agamanya. Ini tidak bermakna bahawa kerajaan Malaysia dikehendaki menegakkan lain-lain agama seperti membantu mendirikan gereja, kuil dan sebagainya sebagai menggalakkan perjalanan mereka sebab ini bertentangan dengan ajaran Islam. – seorang pemimpin.

\*

Bukan golongan orang yang beriman jika hanya bercita-cita sahaja tentang kebaikan dengan tidak membuatnya dengan langkah dan gerak. *Al-Shahīd Sayyid Qutb* yang tersenyum menerima hukuman gantung kerajaan Republik Arab Bersatu.

\*

Segala cita-cita kebaikan dan dikerjakan bersama-sama iman yang kuat ialah sifat-sifat Islam yang tinggi dapat membangunkan satu binaan yang besar dalam kehidupan. – *Al-Shahīd Sayyid Qutb*.